# MAJLIS DAERAH PEKAN
## (IKLAN JAWATAN KOSONG)

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Pahang Darul Makmur yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

| BIL. | JAWATAN | GRED | TARAF JAWATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Tadbir (Teknologi Maklumat) | N41 | Tetap |
| 2. | Pembantu Kesihatan Awam | U19 | Tetap |
| 3. | Pembantu Tadbir (P/O) | N19 | Tetap |
| 4. | Pembantu Penguatkuasa | KP19 | Tetap |
| 5. | Pembantu Kemahiran | H19 | Tetap |
| 6. | Pembantu Awam | H11 | Tetap |
| 7. | Penolong Jurutera | JA29 | *`Contract For Service' (CFS)* |
| 8. | Pembantu Tadbir (P/O) (Attendan Letak Kereta) | N19 | *'Contract For Service' (CFS)* |

**A. CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT:**

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun di laman web Majlis Daerah Pekan iaitu https://www.mdpekan.gov.my

2. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan bersama **salinan dokumen yang telah disahkan** :-

    **i) Sijil Kelahiran**
    **ii) Kad Pengenalan (depan dan belakang)**
    **iii) Sijil Berhenti Sekolah**
    **iii) Sijil/Diploma/Ijazah yang berkaitan**
    **iv) Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan jawatan yang dipohon**

3. Sila tulis `**nama jawatan’** disebelah atas kiri sampul surat bagi permohonan jawatan yang dikemukakan.

4. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**YANG DI PERTUA**
**MAJLIS DAERAH PEKAN**
**JALAN MAHKOTA**
**26600 PEKAN BANDAR DIRAJA**
**PAHANG DARUL MAKMUR**
**(U.P: JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 NOVEMBER 2022**

## B. CATATAN AM

1. Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan:

   **i) Mengemukakan dokumen palsu**

   **ii) Tidak menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Daerah Pekan.**

   **iii) Tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan.**

   **iv) Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan tidak disahkan.**

   **v) Permohonan diterima selepas tarikh tutup.**

2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.

3. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.

4) Sila ambil maklum pengambilan bagi jawatan ‘*Contract For Services*’ (*CFS*) **bukan suatu jaminan untuk diserap sebagai pegawai lantikan tetap.**

**Ruj. Iklan : 1/4/0055 Jld.7**
**Tarikh iklan : 16/11/2022**

## 1. SKIM PERKHIDMATAN

| JAWATAN | PEGAWAI TADBIR (TEKNOLOGI MAKLUMAT) N41 |
|---|---|
| **KUMPULAN** | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **TARAF JAWATAN** | **TETAP** |
| **JUMLAH KEKOSONGAN** | **1 (SATU)** |

## 2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a) Warganegara Malaysia; dan

b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

c) i. ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00)**; atau

ii. ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43)**; atau

## 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 4. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir (Teknologi Maklumat) Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) i. mempunyai kelayakan di perenggan 2(c); dan

(b) had umur pelantikan:

i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**5. DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta kajian semula sistem pemprosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan Jabatan.

## 1. SKIM PERKHIDMATAN

| | |
|---|---|
| **JAWATAN** | **PEMBANTU KESIHATAN AWAM U19** |
| **KUMPULAN** | **PELAKSANA** |
| **TARAF JAWATAN** | **TETAP** |
| **JUMLAH KEKOSONGAN** | **1 (SATU)** |

## 2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a. Warganegara Malaysia; dan

b. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

c. i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
**(Gaji permulaan pada Gred U19: RM1,360.00)**; atau

ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan pada Gred U19: RM1,418.12)**

## 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 4. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut:

a. telah disahkan dalam perkhidmatan; dan

b. mempunyai kelayakan di perkara 2(c) di atas atau lulus Peperiksaan Khas; dan had umur pelantikan:

i. berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
ii. berumur kurang daripada 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
iii. berumur kurang daripada 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**5. DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pengawalan dan pencegahan dalam program kebersihan alam sekeliling, kebersihan dan keselamatan makanan serta kawalan penyakit berjangkit yang berkaitan dengan tugasnya dengan menggunakan kaedah/ pendekatan kesihatan primer (*Control and Prevention & Primary Health Care Approach*).

**6. SYARAT PENGESAHAN LANTIKAN**

Memiliki Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (bagi pegawai yang dilantik menggunakan kelayakan di perenggan (2)(c)(i).

## 1. SKIM PERKHIDMATAN

| JAWATAN | PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) N19 |
|---|---|
| KUMPULAN | PELAKSANA |
| TARAF JAWATAN | TETAP |
| JUMLAH KEKOSONGAN | DUA (2) |

## 2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a. Warganegara Malaysia; dan

b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;dan

c. i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
**(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00);** atau

ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40);** atau

iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)**

## 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 4. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai sedang berkhidmat di dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut:

d. Telah disahkan dalam perkhidmatan
e. mempunyai kelayakan di perkara 2(c) di atas atau lulus Peperiksaan Khas; dan
f. had umur pelantikan
    i. berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    ii. berumur kurang daripada 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    iii. berumur kurang daripada 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**5. DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/ komunikasi).

## 1. SKIM PERKHIDMATAN

| JAWATAN | PEMBANTU PENGUATKUASA KP19 |
|---|---|
| KUMPULAN | PELAKSANA |
| TARAF JAWATAN | TETAP |
| JUMLAH KEKOSONGAN | SATU (1) |

## 2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a. Warganegara Malaysia; dan

b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

c. i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
**(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00);** atau

ii. bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
**(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00)**; atau

iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,416.40);** atau

iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,472.80)**

d. dan memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

ii. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

iv. mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

v. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

## 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perkara 2(c)(i), 2(c)(iii) dan 2(c)(iv) hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 4. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

- Tiada-

## 1. SKIM PERKHIDMATAN

| JAWATAN | PEMBANTU KEMAHIRAN<br>H19 |
|---|---|
| KUMPULAN | PELAKSANA |
| TARAF JAWATAN | TETAP |
| JUMLAH KEKOSONGAN | 1 (SATU) |

## 2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a. Warganegara Malaysia; dan

b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

c. i. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
**(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,377.00)**; atau

ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,435.12)**; atau

iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,435.12)**; atau

iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,493.24)**; atau

v. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,493.24)**

## 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 4. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam, Pembantu Operasi, Pemandu Kenderaan, Pemandu/Operator Jentera Pemunggah dan Penghantar Notis adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut:

a. telah disahkan dalam perkhidmatan; dan
b. mempunyai kelayakan di perkara 2(c) di atas atau lulus Peperiksaan Khas; dan
c. had umur pelantikan :
    i. berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    ii. berumur kurang daripada 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    iii. berumur kurang daripada 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## 5. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di bangunan kerajaan iaitu memasang, membaik pulih, menyenggara, mengawasi serta menguji kenderaan/jentera/peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.

## 1. SKIM PERKHIDMATAN

| **JAWATAN** | **PEMBANTU AWAM<br>H11** |
|---|---|
| **KUMPULAN** | **PELAKSANA** |
| **TARAF JAWATAN** | **TETAP** |
| **JUMLAH KEKOSONGAN** | **4 (EMPAT)** |

## 2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a. Warganegara Malaysia; dan
b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
c. Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/ Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
   **(Gaji permulaan pada Gred H11: RM1,218.00)** atau

## 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/ PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 4. DESKRIPSI TUGAS

Menjalankan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.

## 1. SKIM PERKHIDMATAN

| JAWATAN | PENOLONG JURUTERA<br>JA29 |
|---|---|
| KUMPULAN | PELAKSANA |
| TARAF JAWATAN | *`Contract For Service' (Cfs)* |
| JUMLAH KEKOSONGAN | 1 (SATU) |

## 2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
a) Warganegara Malaysia; dan
b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
c) i. Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,549.00)**; atau

ii. Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,935.02)**

## 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan penyediaan lukisan teknikal dan spesifikasi, menyemak lukisan perunding, merekod dan menyelenggara lukisan, menyediakan lukisan kerja, lukisan perunding dan menyediakan laporan serta lain-lain tugas yang berkaitan. Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saliran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

## 1. SKIM PERKHIDMATAN

| **JAWATAN** | **PEMBANTU TADBIR (P/O) (ATTENDAN LETAK KERETA) N19** |
|---|---|
| **KUMPULAN** | **PELAKSANA** |
| **TARAF JAWATAN** | ***`Contract For Service' (CFS)*** |
| **JUMLAH KEKOSONGAN** | **2 (DUA)** |

## 2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

a. Warganegara Malaysia; dan

b. Berumur tidak kurang dari 18 pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

c. i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
**(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00)** atau

ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40)** atau

iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)**

## 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 4. DESKRIPSI TUGAS

- Memastikan kupon meletak kenderaan dipamerkan pada kenderaan di dalam petak parkir yang disediakan.
- Memastikan kenderaan diletakkan di dalam keadaan teratur.
- Mengenalpasti jenis kesalahan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kenderaan).
- Mengeluarkan kompaun/ saman kepada pengguna yang ingkar/ memalsukan dokumen dan mempamerkan kupon yang menggelirukan.

***Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai lesen memandu kelas B2 dan D (Penempatan calon adalah di Unit Letak Kenderaan).**